

PENDIDIKAN KARAKTER DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK: SATU SOROTAN

Character Education In Early Childhood Education: A Review

Norazly Nordin

Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS
norazly@picoms.edu.my

Muhammad Daoh

Universiti Selangor
muhammad66@unisel.edu.my

Uzzairah Nabila Ahmad Tazli

Universiti Pendidikan Sultan Idris
uzzairah@fpm.upsi.edu.my

Abstrak

Sistem pendidikan masa kini yang berorientasikan peperiksaan dilihat berdepan dengan masalah dalam usaha untuk membangunkan karakter anak didik. Pendidikan pada hari ini dilihat fokus dalam mengukur pencapaian akademik semata-masa sehingga menyebabkan para pendidik hanya menjalankan tugas untuk mengajar topik untuk peperiksaan sahaja. Fenomena ini dilihat mendapat perhatian para pemikir dan memberikan pandangan mengenai penekanan mengenai pendidikan karakter di dalam sistem pendidikan. Pendidikan karakter adalah satu usaha terancang dan disengajakan yang bertujuan untuk mengajar tentang kebajikan. Nilai-nilai seperti kejujuran, hormat, keadilan, keberanian, kesetiaan, kasih sayang dan banyak lagi diterapkan dalam diri anak didik secara terancang menerusi aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah. Pendidikan Karakter telah dimulakan di banyak negara seperti Amerika Syarikat, Finland, Indonesia dan Jepun. Pendidikan karakter dilihat mempunyai kemampuan membentuk pengetahuan dan kemahiran murid terhadap nilai-nilai murni dan karakter yang baik. Artikel ini membincangkan konsep pendidikan karakter dan bagaimana untuk melaksanakannya di dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak. Turut dibincangkan juga adalah cadangan kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan.

Kata kunci: Pendidikan Karakter, Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Nilai, Karakter

Abstract

In many ways, the current examination-oriented education system is interfering with the developing characters of the children. Education today focuses on measuring academic achievements solely, thus causing educators to focus on the topics for examinations only. This phenomenon is seen to attract the attention of academicians and thinkers in giving views emphasizing character education in the education system. Character education is a purposely planned education and deliberate effort aimed at teaching about virtue. Values such as honesty,

respect, fairness, courage, loyalty, love, and much more are instilled in students' self-development through learning activities in the classroom. Character Education has been started in many countries such as the United States, Finland, Indonesia, and Japan. Character education is seen as having the ability to shape students' knowledge and skills towards moral values and positive character. This article discusses the concept of character education and how to implement it in early childhood education. Suggestions for further studies are also discussed in this article.

Keywords: character education, early childhood education, values, character

PENGENALAN

Di dalam sistem pendidikan pada hari ini, peperiksaan menjadi satu kewajipan yang perlu dilaksanakan bagi mengukur keberhasilan pendidikan, pencapaian prestasi pelajar, penilaian keberkesanan pengajaran pendidik serta menjadi kayu ukur kejayaan setiap pelajar. (Kirkpatrick & Zang, 2011; Wachiuri et al., 2017). Sehubungan dengan itu, kebanyakan negara mempunyai peperiksaan kebangsaannya tersendiri yang harus ditempuhi oleh setiap pelajar yang menyertai pendidikan kebangsaan di negaranya masing-masing.

Wachiuri et al. (2017) mengatakan bahawa pendidikan yang berorientasikan peperiksaan menyebabkan guru terpaksa memberikan fokus kepada tajuk yang mungkin akan disoal di dalam peperiksaan sahaja terutamanya di dalam peperiksaan kebangsaan. Natijahnya, kandungan keseluruhan di dalam kurikulum itu tidak dapat disampaikan sepenuhnya disebabkan guru terpaksa memastikan para pelajar menguasai tajuk-tajuk tertentu yang akan diukur dan dinilai di dalam peperiksaan kebangsaan.

Fenomena ini telah menjadikan pendidikan itu hanya sekadar untuk lulus peperiksaan. Pengajaran dan pembelajaran di sekolah bukan lagi fokus kepada pembentukan nilai murni dan jati diri insan tetapi telah beralih fokusnya untuk mendapatkan gred yang baik dalam peperiksaan umum (Kristofk, 2011). Seinggakan sekolah membuat ujian bulanan atau ujian percubaan bagi mengukur kesediaan pelajar sebelum menempuhi peperiksaan sebenar. Tugas guru teralih daripada yang sepatutnya iaitu membangunkan karakter anak didik kepada menguji anak didik agar nanti mendapat keputusan yang cemerlang (Siddiq Fadhzil, 2018).

Realiti kejatuhan moral yang menjadi wacana perbincangan pada masa kini. Kes salah laku dalam kalangan professional, tindakan biadap dalam kalangan remaja serta pelbagai lagi

isu kejahatan sosial menjadi tajuk utama hampir saban hari di media massa juga di dada akhbar. Para ahli pendidikan mengaitkan fenomena ini dengan keberhasilan dalam pendidikan yang sepatutnya menjadikan manusia itu mempunyai karakter atau nilai-nilai yang baik. Siddiq Fadhzil (2018) menyatakan bahawa pendidikan kita hari ini lebih berorientasikan peperiksaan yang mengakibatkan kita lebih mengejar ranking daripada membina watak. Sehingga ke hari ini, masih belum ada usaha yang serius menangani masalah keruntuhan moral yang melanda pada saat ini. Maka dengan itu, tema Pendidikan Karakter menjadi satu wacana dalam melestarikan aspek pembangunan karakter menerusi pendidikan. Ianya menjadi sorotan dan perbincangan dalam kalangan ahli pendidikan, pemegang taruh dan juga para aktivis. Oleh yang demikian, usaha ini haruslah dimulakan daripada peringkat awal kanak-kanak kerana tahap ini adalah tahap persediaan sebelum kanak-kanak menempuhi alam pendidikan yang formal. Usaha ini juga harus diteruskan di peringkat rendah, menengah sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi.

KONSEP DAN DEFINISI PENDIDIKAN KARAKTER

Kata Karakter atau *Character* itu berasal daripada perkataan Yunani *Charakter* yang makna asalnya merujuk kepada penanda atau label yang diletakkan di duit syilling (Pala, 2011). Kini, istilah ini membawa maksud satu sifat atau kualiti yang membeza seseorang dengan yang lain. Ryan dan Bohlin di dalam Pala (2011) mendefinisikan individu yang memiliki karakter yang baik adalah individu yang mengetahui perkara yang baik, mencintai kebaikan dan mengerjakan kebaikan.

Pendidikan Karakter bukan satu tema yang baharu dalam dunia pendidikan pada hari ini. Ianya sudah dibicarakan oleh banyak tokoh pendidikan di banyak negara seperti di Amerika Syarikat, Jerman dan Indonesia. Di Amerika Syarikat, Pendidikan Karakter telah dilaksanakan dan termaktub di dalam undang-undang. Sebagai contohnya di North Carolina telah wujudnya satu akta yang dikenali sebagai *Student Citizen Act of 2001* yang memperuntukan sistem persekolahan dengan kolaborasi komuniti untuk melaksanakan Pendidikan Karakter dengan bermatlamat untuk membina kekuatan watak atau *strong character* dalam kalangan pelajar.

Character Education Organization (2016) yang berpangkalan di United Kingdom telah mendefinisikan Pendidikan Karakter sebagai usaha untuk membangun generasi muda yang mempunyai etika dan nilai teras yang dititikberatkan oleh pelbagai budaya. Dalam

menjayakannya, semua pemegang taruh (*stakeholder*) perlu terlibat serta perlu ditanam dalam iklim sekolah dan kurikulum.

Menurut Pala (2011) pula mendefinisikan Pendidikan Karakter adalah satu gerakan kebangsaan yang mencipta sebuah sekolah yang menggalakkan pengembangan etika, kebertanggungjawaban dan kasih sayang dalam diri anak didik. Pendidikan Karakter ini dijayakan menerusi permodelan dan pengajaran karakter yang baik menerusi penekanan nilai murni yang bersifat sejagat dan universal. Ianya adalah satu usaha yang terancang dan proaktif hasil daripada perancangan dan kolaborasi daripada pihak pengurusan sekolah dan pihak berkuasa sama ada di peringkat daerah, negeri dan juga negara. Tujuannya adalah untuk menerapkan nilai murni yang utama seperti ambil berat, adil, bertanggungjawab dan hormat-menghormati.

Menurut Siddiq Fadzil (2018) Pendidikan Karakter sebenarnya telah wujud dalam tradisi Islam. Ianya bermula sejeurus penurunan Al Quran. Di dalam perspektif Islam, karakter adalah merujuk kepada akhlak. Akhlak menurut pandangan Al-Ghazali di dalam Hasbullah, Ahmad dan Fakhrul (2018) adalah satu bentuk kestabilan jiwa yang menggerakkan seseorang untuk melaksanakan kebaikan tanpa paksaan. Pembangunan dan penyempurnaan akhlak adalah satu usaha yang sangat penting di dalam Islam dan ianya menjadi tugas utama Rasulullah SAW. Sebagaimana hadis baginda SAW:

“Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.”

Rentetan daripada itu, Pendidikan Akhlak ini menjadi wacana besar dalam pemikiran para sarjana Islam antara lainnya Ibnu Sina, Ibnu Maskawayh, Al Ghazali, Az-Zarnuji dan ramai lagi. Antara karya besar hasil daripada pemikiran para sarjana Islam yang menjadi rujukan sehingga ke hari ini adalah *Khuluqul-Muslim* karya Al-Ghazali, *Ta'alim al Muta'alim* karya Az-Zarnuji, *Bidayatul-Hidayah* oleh Imam Al-Ghazali dan banyak lagi.

Islam amat menekankan aspek pembangunan akhlak dalam diri muslim. Kemantapan akhlak dalam diri seorang Muslim itu dikaitkan dengan tahap kekuatan imannya. Akhlak yang

terpuji itu lahir daripada kekuatan Iman yang sempurna. Perkara ini dijelaskan di dalam Hadis Nabi SAW:

“Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya”

Sehubungan dengan itu, Pendidikan Karakter adalah satu usaha yang terancang daripada kolaborasi sekolah dan pihak berwajib seperti pihak kerajaan, persatuan ibubapa serta pertubuhan bukan kerajaan yang bertujuan untuk menyemai nilai karakter yang universal dalam diri anak didik. Usaha ini haruslah berterusan dan seharusnya mendapat dukungan daripada semua pihak.

PENDIDIKAN KARAKTER DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

The *National Association for The Education of Young Children* (NAEYC, 2011) menjelaskan bahawa Pendidikan Awal Kanak-kanak adalah program-program pendidikan yang memberi layanan, asuhan dan bimbingan kepada kanak-kanak sejak lahir hingga ke umur lapan tahun. Manakala di Malaysia pula, pendidikan awal kanak-kanak merupakan program pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak yang berusia 0 hingga 6 tahun. Program ini terbahagi kepada dua iaitu peringkat taska (0-4 tahun) dan tadika (4-6 tahun).

Matlamat pendidikan awal kanak-kanak adalah untuk membantu memperkembang potensi kanak-kanak dari segenap dimensi perkembangan yang mencakupi perkembangan fizikal, emosi, rohani, intelek dan juga sosial. Selain itu, ianya juga menjadi tempat persediaan untuk kanak-kanak melangkah ke alam pendidikan formal. Oleh itu, pengelolaannya haruslah secara dalam suasana yang non-formal, menyeronokkan dan bermakna (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2017).

Dalam pada itu, pada peringkat awal ini juga adalah penting untuk para ibu bapa dan pendidik untuk membangunkan karakter anak agar nantinya menjadi seorang insan yang mempunyai keindahan watak dan keluhuran budi. Usaha ini perlu dilaksanakan secara kolaboratif dan berkesinambungan sama ada di rumah dan juga di institusi sama ada taska mahupun tadika. Oleh itu, ianya akan menjadi lebih efektif dan bermakna. Berikut adalah strategi pendidikan karakter yang boleh dilaksanakan di dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Bercerita

Teknik bercerita adalah satu kaedah yang sangat sinonim dalam pendidikan awal kanak-kanak. Bercerita juga memberikan keseronokan kepada kanak-kanak dan juga dilihat sebagai satu terapi serta mampu memberikan motivasi kepada kanak-kanak. Shofiyatul Huriyah (2018) menyatakan bercerita kepada juga merupakan satu cara yang menarik dan berkesan dalam menerapkan karakter yang positif dalam diri kanak-kanak. Dalam masa yang sama juga bercerita merupakan satu teknik yang efektif untuk menyampaikan mesej moral kepada kanak-kanak.

Nilai-nilai moral yang terkandung di dalam cerita perlu diterangkan kepada kanak-kanak agar mereka memahami mesej sebenar yang disampaikan menerusi cerita. Bercerita kepada kanak-kanak khususnya cerita dogeng memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk berimajinasi dan berfantasi tanpa batas. Oleh itu, untuk menjadikan sesi bercerita itu lebih bermakna, pencerita hendaklah menerangkan kandungan moral yang terdapat dalam cerita yang disampaikan.

Kajian yang dijalankan oleh Aishah et al. (2019) membuktikan bahawa pendekatan bercerita bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran literasi kanak-kanak, malah dapat juga membantu kanak-kanak untuk meningkatkan kemahiran akademik, kesejahteraan emosi, kemahiran berkomunikasi dan peka kepada kepelbagaian budaya. Kemahiran-kemahiran ini penting dalam rangka untuk membangunkan kanak-kanak yang mempunyai karakter sendiri yang positif dan mampu untuk berada di tengah-tengah kelompok masyarakat yang berbilang bangsa dan agama.

Pendekatan bercerita juga digunakan oleh Nabi Muhammad SAW dalam menyampaikan sesuatu pengajaran kepada para sahabat. Baginda sering menceritakan kisah-kisah silam yang berkait dengan kehidupan. Pendekatan bercerita dilihat mampu memberikan kesan yang mendalam serta berupaya untuk menarik perhatian pendengar. Di dalam Al-Quran terdapat ayat-ayat yang menunjukkan bahawa kepentingan bercerita dalam menyampaikan pengajaran. Sepertimana di dalam Surah Hud ayat 120 yang membawa maksud :

“Dan tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul itu, kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya. Dan telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang-orang yang beriman.”

(Al Quran, Surah Hud 11:120)

Sehubungan dengan itu, untuk menggunakan pendekatan bercerita untuk pembentukan karakter dalam pendidikan awal kanak-kanak, pendidik atau ibubapa hendaklah menguasai teknik bercerita dengan baik serta perlu memilih cerita yang mempunyai pengajaran dan nilai moral yang sesuai untuk diterapkan dalam diri kanak-kanak. Nilai-nilai moral tersebut hendaklah dijelaskan kepada kanak-kanak agar mereka dapat memahami dan kemudiannya meresapi nilai tersebut. Antara cerita-cerita yang boleh dikongsikan kepada kanak-kanak adalah cerita-cerita Nabi dan cerita pengajaran daripada Al-Quran. Hal ini kerana cerita-cerita tersebut mempunyai pengajaran yang baik dan boleh dijadikan iktibar. Sepertimana firman Allah di dalam Surah Yusuf ayat 111 maksudnya :

“Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam Al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diadakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.”

(Al Quran, Surah Yusuf 12:111)

Pembudayaan Positif di Tadika/Taska

Lickona (1991) menegaskan terdapat tiga komponen karakter yang baik iaitu pengetahuan tentang moral (*moral knowing*); perasaan tentang moral (*moral feeling*) dan tindakan moral (*moral action*). Bagi mewujudkan tindakan moral tersebut, nilai-nilai murni haruslah dibudayakan. Budaya seperti memberi salam, mengucapkan terima kasih, hormat menghormati serta banyak lagi haruslah dimulakan seawal mungkin.

Usaha ini melibatkan semua pihak di dalam tadika dan juga taska tersebut. Ianya tidak boleh melibatkan satu pihak sahaja. Imas Kurniasih dan Berlin Sani (2017) mengatakan di dalam membudayakan nilai karakter yang baik semua pihak di dalam sekolah tersebut mempunyai peranannya yang tersendiri. Suasana sekolah hendaklah diselaraskan bagi mencapai tujuan itu dan hendaklah melibatkan semua warga sekolah.

Menurut Rifki Afandi (2018) sekolah mempunyai peranan yang penting dalam membangunkan karakter kanak-kanak. Sekolah juga menjadi tempat untuk kanak-kanak yang tidak berpeluang untuk mendapatkan pendidikan karakter di rumah. Begitu juga dalam institusi pendidikan awal kanak-kanak seperti tadika dan taska. Pendidikan Karakter seharusnya ditanam di tadika dan taska menerusi pembudayaan yang positif agar kanak-kanak dapat melaksanakan tindakan moral atau *moral action*.

Lickona (1991) juga berpendapat bahawa mempraktikkan disiplin moral juga penting dalam pendidikan karakter. Para pentadbir atau guru disarankan untuk mencipta dan mengaplikasi peraturan-peraturan sebagai satu peluang untuk kanak-kanak membudayakan disiplin moral. Menerusi peraturan yang dicipta dan dikuatkuasakan tersebut proses penjelasan moral atau *moral reasoning* dapat diberikan kepada kanak-kanak di samping dapat memupuk nilai kepatuhan dan keadilan dalam diri kanak-kanak menerusi pembudayaan yang positif di taska dan juga tadika.

Peranan guru

Lickona (1997) menyatakan bahawa dalam menjayakan pendidikan karakter, guru terlebih dahulu harus memahami konsep sebenar pendidikan karakter. Menerusi kefahaman yang mantap mengenai pendidikan karakter, guru akan seterusnya mampu mereka program instruksional yang komprehensif bagi menjayakan pendidikan karakter.

Peranan guru adalah sangat penting dalam Pendidikan Karakter. Menurut Zurqoni et al. (2018) asas kepada pelaksanaan pendidikan karakter adalah menjadikan pengetua atau guru besar dan para guru sebagai individu yang boleh dijadikan contoh teladan. Sehubungan dengan itu, usaha ini haruslah dimulakan dengan pengetua yang menunjukkan sifat yang terpuji di hadapan semua warga sekolah. Kemudiannya diikuti oleh guru yang mempunyai

tanggungjawab menunjukkan tingkahlaku terpuji kepada kanak-kanak. Oleh itu, perkara ini haruslah diberikan perhatian agar warga guru dapat menjadi contoh teladan kepada anak murid.

Pala (2011) menekankan bahawa untuk menjayakan pendidikan karakter di sekolah, para pendidik perlu bertindak sebagai mentor atau model ikutan. Dalam pada itu juga, para pendidik perlu mendidik serta melayan para anak didik dengan kasih sayang, hormat, menyokong tindakan positif serta membetulkan tindakan negatif kanak-kanak.

Di samping itu, guru juga berperanan untuk mewujudkan komuniti moral (*moral community*), membantu kanak-kanak untuk sentiasa menghormati dan ambil berat antara satu sama lain. Dengan adanya komuniti moral sebegini, kanak-kanak akan mematuhi norma-norma yang terpakai di dalam komuniti tersebut dan seterusnya akan menjadi budaya yang akan membentuk karakter mereka. Di sinilah peranan guru untuk membudayakan nilai-nilai sejagat tersebut yang merentasi zaman dan tempat. Natiujahnya, kanak-kanak akan berkembang dengan mempunyai nilai-nilai tersebut (Pala, 2011).

Dalam aktiviti pembelajaran bersama kanak-kanak pula, guru berperanan untuk mengajar nilai menerusi kurikulum yang telah sedia ada. Lickona (1997) berpandangan bahawa terdapat banyak ruang dan peluang untuk mengajar konten pengajaran yang sarat dengan nilai moral di dalam matapelajaran akademik seperti sastera, sejarah, sains dan seni. Perkara ini juga selari dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2017) yang menekankan penerapan nilai murni hendaklah merentasi kurikulum. Setiap aktiviti pembelajaran bersama kanak-kanak hendaklah dinyatakan nilai murni yang akan diterapkan serta pengajaran nilai murni tidaklah terpisah atau khusus diajar dalam matapelajaran moral atau pendidikan Islam sahaja.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Pendidikan karakter bukanlah satu perkara yang baharu. Ianya telah dimulakan dan dibahaskan di banyak negara. Oleh itu, di dalam konteks negara kita Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk, pendidikan karakter hendaklah diselaraskan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Prinsip Rukun Negara serta nilai-nilai murni yang dipersepakati bersama yang merentasi kaum, budaya dan agama masyarakat di Malaysia. Usaha ini hendaklah dimulakan

di peringkat awal kanak-kanak lagi agar kanak-kanak di Malaysia mempunyai karakter Bangsa Malaysia.

Sehubungan dengan itu, penulis ingin mencadangkan beberapa kajian lanjutan untuk para pengkaji fikirkan dan laksanakan bagi mencapai tujuan murni tersebut. Kajian Rekabentuk dan Pembangunan Model Pendidikan Karakter dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak Malaysia dilihat perlu untuk membangunkan satu model kurikulum yang komprehensif. Kajian ini boleh menggunakan pendekatan *Design and Development Reseacr* (DDR) sepertimana kajian pembangunan model kurikulum yang lain seperti *SkiVes (Skill and Values)* yang dijalankan oleh Mohd Riduan (2016) dan Pembangunan Kurikulum Berteraskan Nilai oleh Rohana Hamzah et.al (2017).

Selain daripada itu, kajian pembangunan modul pelaksanaan aktiviti untuk pendidikan karakter juga adalah sangat dicadangkan untuk dijalankan. Modul aktiviti hendaklah sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak dan mematuhi prinsip-prinsip amalan bersesuaian perkembangan atau *developmentally appropriate practice* (DAP). Bagi tujuan pembangunan modul pendidikan karakter, para pengkaji boleh menggunakan pendekatan rekabentuk instruksional seperti Model ADDIE seperti kajian pembangunan Modul Literasi Awal oleh Juppri dan Zainiah (2016) atau model instruksional yang bersesuaian. Model ini dilihat bersesuaian kerana menerangkan langkah-langkah yang jelas dalam pembangunan modul iaitu Analisis (*Analyze*); Reka Bentuk (*Design*); Pembangunan (*Development*); Implementasi (*Implementation*) dan Penilaian (*Evaluation*).

Bagi mengukur keberkesanan pendidikan karakter atau penguasaan nilai dalam diri kanak-kanak, proses penilaian dan pentaksiran adalah perkara yang mustahak. Tanpa sistem pentaksiran yang komprehensif, para pendidik tidak akan dapat mengukur tahap penguasaan karakter atau nilai dalam diri kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, kajian pembinaan dan pengujian instrumen untuk penilaian karakter atau nilai murni kanak-kanak juga dicadangkan untuk dijalankan. Maka dengan itu, satu set instrumen yang komprehensif dapat dibangunkan serta dapat digunakan dalam pendidikan karakter pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, artikel ini membincangkan sorotan konsep pendidikan karakter dalam pendidikan awal kanak-kanak. Perkara yang dibincangkan adalah pendekatan bercerita, pembudayaan budaya positif di taska dan tadika serta peranan guru. Turut dinyatakan cadangan kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan dalam melestarikan pendidikan karakter dalam pendidikan awal kanak-kanak seperti kajian pembangunan model kurikulum, pembangunan modul aktiviti pembelajaran pendidikan karakter dan pembangunan instrumen penilaian penguasaan nilai karakter kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan keberkesanan pengimplementasian pendidikan karakter, semua pihak dilihat mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri. Kolaborasi semua pihak pastinya dapat memastikan pendidikan karakter dapat dilaksanakan dengan jayanya dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak.

Rujukan

- Aishah Abdul Malek, Romli Darius & Muhammad Asyraf Mansor. (2019). Pendekatan Bercerita Berasaskan Kurikulum Berkepelbagaian Budaya Untuk Pembelajaran Literasi Awal Kanak-Kanak. *Jurnal Kurikulum dan Asia Pasifik*, 7(3), 28-34.
- Al-Bukhari, A. A. (1998). *Sahih al-Bukhari. Riyadh: International Ideas Home for Publishing and Distribution*.
- Character Education Organization. (2016). *11 Principles of Effective Character Education*. Character. Org: United Kingdom.
- Imas Kruniasih & Berlin Sani. (2017). *Pendidikan Karakter. Internalisasi dan Metode Pembelajaran di Sekolah*. Kata Pena. Jakarta.
- Kirkpatrick, R & Zang, Y. (2011). The Negative Influences of Exam-Oriented Education on Chinese High School Students: Backwash from Classroom to Child. *Language Testing in Asia*, 1(3), 36-45.
- Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. (2017). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kristofk, N. D. (2011, January 15). *China's winning schools?* The New York Times. Retrieved from <http://www.nytimes.com/2011/01/16/opinion/16kristof.html>
- Lickona, T. (1991). *Educating for Character. How Our School Can Teach Respect and Responsibility*. Bantam Books. United States of America.
- Lickona, T. (1997). The Teacher's Role in Character Education. *Journal of Education*, 179(2), 63-80

- Mohd Ridhuan Mohd Jamil. (2016). *Pembangunan model kurikulum latihan SkiVes bagi program pengajian kejuruteraan pembelajaran berasaskan kerja* [Tesis Doktor Falsafah]. Institut Pengajian Siswazah. Universiti Malaya.
- National Association for The Education of Young Children. (2011). *Code of Ethical Conduct and Statement of Commitment*. Diperolehi semula di <https://www.naeyc.org/resources/position-statements/ethical-conduct>
- Pala, A. (2011). The Need for Character Education. *International Journal of Social Sciences and Humanity Studies*, 3(2), 23-31.
- Rifki Afandi. (2018). School Culture Shaping through School-Based Management: School Culture as the Basis of Character Building. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 125(1), 264-267.
- Rohana Hamzah *et.al.* (2017). Pembangunan Model Penilaian Kurikulum Berteraskan Nilai Universal bagi Program Pendidikan Berasaskan Teknologi & Kejuruteraan: Satu Kerangka Konseptual. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1(2), 50-61
- Shofiyatul Huriyah. (2018). Building Character Through Story Telling in Children's Literature. *International Seminar and Annual Meeting BKS-PTN Wilayah Barat*. 21-22 September. Sumatera Selatan, Indonesia.
- Siddiq Fadzil (2018). *Pendidikan Karakter: Perspektif Agama dan Budaya*. Kertas Kerja Seminar Pedagogi Islam Peringkat Negeri Selangor. Anjuran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. 4 April.
- Wachiuri, N. R., Shisha. B., Nonglait. L., & Kimathi. N. J. (2017). To Determine the Effects of the Role of Examinations on the Development of All-Inclusive Learners in Secondary Schools Nyeri County, Kenya. *Journal of Research & Method in Education*. 62-65.
- Zurqoni, Heri Retnawati, Janu Arlinwibowo & Ezi Apino. (2018). Strategy and Implementation of Character Education in Senior High School and Vocational High Schools. *Journal of Social Studies Education Research*, 9(3), 370-397.